



ISLAM HADHARI: APA DAN KENAPA

(Islam Hadhari Approach: What is it and Why)

RATNA ROSHIDA ABD RAZAK*

MUHAMMAD HASRUL ZAKARIAH

Pensyarah Kanan Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800,Pulau Pinang, Malaysia

ABSTRAK

Islam Hadhari yang telah diperkenalkan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri Malaysia telah menimbulkan berbagai reaksi di kalangan masyarakat Malaysia. Ternyata reaksi yang timbul ini terbit daripada kesamaran tentang konsep atau intipati yang terkandung dalam pendekatan baru yang diperkenalkan. Dalam memahami konsep Islam Hadhari ini, beberapa perkara pokok perlu diberi penjelasan yang sewajarnya agar masyarakat dapat memahami apa sebenarnya yang diistilahkan sebagai Islam Hadhari dan kenapa perlunya kita umat Islam, khususnya di Malaysia hari ini untuk menisbahkan Islam kepada perkataan Hadhari. Apakah perkataan Islam sahaja sudah tidak sesuai dan tidak relevan lagi dengan keadaan hari ini. Atau mungkinkah Islam Hadhari itu sekadar untuk menampakkan kelainan dan mencari publisiti semata-mata. Untuk menghilangkan kesamaran tentang apa dan kenapa Islam Hadhari, kertas kerja ini akan mencuba memberi penjelasan yang terperinci agar kekaburuan tentang Islam Hadhari dapat diterangkan dan seterusnya dapat diaplikasikan dalam agenda pembangunan umat Islam, khususnya di Malaysia.

Kata Kunci: Islam Hadhari, tamadun, Islam, pembangunan, kebudayaan, kemanusiaan.

ABSTRACT

Islam Hadhari, introduced by Tun Abdullah Ahmad Badawi, the fifth Malaysian Prime Minister was initiated various reaction among the Malaysians. This reaction was due to the vagueness of this concept, consisted in the new approach. In understanding the Islam Hadhari concept, few fundamentals points need to be explained so that the society will have a clear understanding of what it meant by Islam Hadhari and why the word Islam must be associated to the word 'Hadhari' (civilizational)? Does the word Islam alone not appropriate or

*Corresponding Author:Ratna Roshida Ab Razak, Pensyarah Kanan, Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang, Malaysia, E-mel: ratna@usm.my

Diserahkan: 12 November 2009

Diterima: 6 Januari 2010

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2010-0201-01>

may be not relevant anymore in the current context? Or is Islam Hadhari solely just to make it looks different and seeks publicity? Hence this paper attempts to enlighten of this concept so as the vagueness about Islam Hadhari will ease and people would be able to apply this concept especially in the development of Muslim Ummah, particularly in Malaysia.

Keywords: Islam Hadhari, civilisation, Islam, development, cultural, humanity.

PENGENALAN

Islam Hadhari yang telah diperkenalkan oleh mantan Perdana Menteri telah menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan masyarakat Malaysia. Ternyata reaksi yang timbul ini terbit dari kesamaran tentang konsep atau intipati yang terkandung dalam pendekatan baru yang diperkenalkan. Dalam memahami konsep Islam Hadhari ini, beberapa perkara pokok perlu diberi penjelasan yang sewajarnya agar masyarakat dapat memahami apa sebenarnya yang diistilahkan sebagai Islam Hadhari dan kenapa perlunya kita umat Islam, khususnya di Malaysia hari ini untuk menisbahkan Islam kepada perkataan Hadhari. Apakah perkataan Islam sahaja sudah tidak sesuai dan tidak relevan lagi dengan keadaan hari ini. Atau mungkinkah Islam Hadhari itu sekadar untuk menampakkan kelainan dan mencari publisiti semata-mata.

Untuk menghilangkan kesamaran tentang apa dan kenapa Islam Hadhari, perbincangan ini akan mencuba memberi penjelasan yang terperinci agar kekaburuan tentang Islam Hadhari dapat diterangkan dan seterusnya dapat diaplikasikan dalam agenda pembangunan umat Islam, khususnya di Malaysia. Islam yang merupakan jati diri dan tonggak kekuatan umat Melayu bukan sekadar dilihat dalam perkara-perkara runcit seperti tulisan jawi, adat istiadat, kelahiran, perkahwinan dan kematian, malahan telah memberi sumbangan yang besar dalam membentuk pemikiran dan pandangan hidup orang Melayu (Weltanshuung).

ISLAM HADHARI DAN TAKRIFANNYA

“Islam Hadhari adalah usaha untuk mengembalikan umat Islam kepada asas kepada fundamental. Asas dan fundamental menurut yang terkandung dalam al-Qur'an dan Hadith yang merupakan teras pembinaan tamadun Islam” (Abdullah 2004). Matlamat ini dikira penting bagi umat Melayu khususnya yang beragama Islam untuk memahami seterusnya mempraktikkan Islam yang bukan hanya sekadar suatu kepercayaan, tetapi cara hidup yang lengkap, yang dapat membawa kemajuan kepada masyarakat serta mampu menyelesaikan permasalahan semasa untuk semua kaum dan juga semua golongan di sepanjang zaman, dulu, kini dan selama-lamanya, sebagaimana firman Allah s.w.t dalam

Surah al-Anbiya': 107 yang bermaksud: “*Dan tidaklah Kami mengutuskan kamu (wahai Muhammad) melainkan untuk membawa rahmat bagi seluruh alam*”.

Islam Hadhari adalah satu pendekatan pembangunan manusia yang menyeluruh berdasar kepada perspektif tamadun Islam. Pembangunan tamadun mestilah bermula dengan pembangunan manusia, masyarakat dan negara. Untuk membangunkan manusia demi membentuk sebuah kehidupan yang produktif, al-Qur'an telah memberi panduan sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Ra'd: 11 yang bermaksud “*Sesungguhnya Allah tidak mengubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka merubah apa yang ada pada diri mereka*”.

Perkataan Hadhari itu diambil dari perkataan Arab-*hadharah* yang bermaksud satu cara hidup bagi sekumpulan manusia yang menetap di sesuatu lokasi tertentu. *Hadharah* adalah kata terbitan daripada perkataan *al-Hadhar* dan *al-hadhirah*, iaitu menetap di sesebuah kawasan seperti kampung, desa dan pendalaman. Istilah ini lahir kerana merujuk kepada sikap para penduduknya yang memilih sesuatu kawasan tertentu menjadi tempat tinggal yang tetap (Ibn Manzur t.th).

Perkataan *hadharah* ini apabila dinisbahkan kepada Islam, maka akan terbitlah *hadharah Islamiyah* yang bermaksud Tamadun Islam. Namun apabila Islam yang dinisbahkan kepada *hadharah* maka akan wujudlah istilah Islam Hadhari, iaitu Islam yang menurut perspektif tamadun. Justeru apa yang menjadi hasrat mantan Perdana Menteri Malaysia dengan memperkenalkan konsep Islam Hadhari ini ialah untuk memudahkan rakyat Malaysia khususnya yang beragama Islam memahami dan seterusnya mempraktikkan Islam secara menyeluruh sehingga dapat menghasilkan kemajuan, beracuankan prinsip dan ajaran-ajaran Islam yang mencakupi tuntutan dunia, akhirat juga jasmani dan rohani.

Untuk menjelaskan lagi makna Islam Hadhari ini, beberapa istilah yang mempunyai kaitan dengannya perlulah difahami terlebih dahulu. Istilah-istilah tersebut adalah kebudayaan (*al-thaqafah*), peradaban (*al-hadharah*) dan tamadun (*al-madaniyyah*). Walaupun berlainan maksud, ketiga-tiga istilah ini berkait rapat dan perlu diperjelas hubungannya dengan konsep agama (*al-Din*). Perkataan-perkataan ini tidak hanya merujuk pada hal-hal politik dan kenegaraan malah lebih bersifat meningkatkan darjah kemanusiaan. Peradaban atau *hadharah* dan tamadun atau *madaniyyah* dimaksudkan dengan *civilization*. *Civil* bererti kehidupan dalam kumpulan manusia yang diatur oleh peraturan dan undang-undang. *Hadharah* dan peradaban dalam maksud ini bersamaan dengan kelompok yang beradab dan membangun. Masyarakat membangun adalah masyarakat yang mempunyai keilmuan, kemahiran, kepakaran dan kesenian. Ertinya peradaban dan Hadhari merujuk pada golongan yang

mempunyai taraf hidup tinggi yang tergambar dalam akhlak dan budi pekerti mereka. Oleh itu *civilized person* adalah merupakan insan yang terdidik.

Bagi istilah tamadun yang membawa maksud *madaniyyah*, insan dalam masyarakat madani membawa erti bahawa seseorang itu mesti mengetahui siapa dia dan dari mana asalnya. Mengikut Syed Naquib al-Attas, masyarakat madani tidak sama dengan masyarakat *civil* (al-Attas 1978). *Civil society* dan masyarakat madani mempunyai titik tolak dan matlamat yang saling bertentangan. *Civil society* terhasil daripada kehampaan masyarakat Barat yang beragama Kristian yang menindas kebebasan berfikir dan berpolitik melalui kekuasaan negara, manakala masyarakat madani terhasil daripada kefahaman dan keyakinan terhadap kebenaran agama sebagai pembebas manusia daripada kongkongan jiwa kehaiwanan. Matlamat *civil society* ialah meminggirkan agama dan memartabatkan kebebasan mutlak manusia dalam menentukan nilai, kebenaran dan tujuan hidup.

Masyarakat madani pula mengambil akar kata madani iaitu *Din* atau agama. Daripada *Din* kita mendapat perkataan madinah. Sebelum Nabi berpindah ke ‘Bandar’ yang diberi nama ‘Madinah’, tempat itu dikenali sebagai *Yathrib*. Ini bererti pertukaran nama kepada Madinah mempunyai makna yang penting dan mendalam. Madinah bermaksud tempat di mana *Din* dijelmakan dan diamalkan dengan sempurna. Pada tempat yang dinamakan Madinah itu ada undang-undang, ada hukumnya, ajaran-ajarnannya benar dan ia merupakan tempat yang ada akhlak.

Perkataan madinah juga menunjukkan tempat wujud kefahaman yang tinggi. Oleh itu daripada perkataan madinah tadi lahirlah perkataan tamadun – tempat masyarakat mencapai taraf *insaniyyah* yang luhur dengan kewujudan tatasusila, hukum dan undang-undang, yang ada penguasa atau pentadbirannya yang mempunyai hikmah yang mampu melaksanakan keadilan. Secara kesimpulannya masyarakat madani ialah masyarakat yang baik, yang jelas matlamat hidupnya, serta berpegang pada kebenaran dan nilai-nilai hakiki seperti yang dianjurkan oleh agama (Md. Asham Ahamad 2000).

Pendekatan Islam Hadhari ini agak berlawanan dengan pendekatan Islam *Siyasiyy* yang memberi penekanan pada acuan yang berbentuk politik. Di dalam sejarah politik umat Islam pernah berlaku fenomena seperti ini sebagaimana yang diterangkan oleh Dr. Hasan al-Turaby (1982) sebagai pengunduran para ilmuwan daripada bidang politik dan menumpu kepada bidang-bidang lain. Begitu juga dengan Islam al-sufi yang akan mencorakkan kehidupan mengikut acuan yang berbentuk spiritual semata-mata. Dalam sejarah sosiobudaya Melayu, biasanya golongan agama yang sudah berumur memang gemar duduk berkumpul di masjid dengan buah tasbih masing-masing dan bertahlil demi persiapan memelihara diri daripada siksaan kubur. Mereka hanya ada 3 kitab sahaja iaitu Fiqh, Usuluddin dan Tasawuf. Dari 3 jenis ini, tasawuflah yang

paling digemari oleh umat Melayu kerana ilmu itu mengajar kepada kecintaan akan akhirat dan membenci kekayaan dan kemuliaan dunia. Citi-cita yang agung ialah memiliki bidadari di syurga meskipun hidup di atas dunia ini menjadi hamba kepada manusia.

Untuk memberi gambaran yang lebih jelas tentang Islam Hadhari sebagai satu pendekatan, beberapa contoh perlu diketengahkan. Dalam menyelesaikan sesuatu masalah, biasanya beberapa pendekatan akan digunakan. Sekiranya pendekatan yang digunakan itu merupakan pendekatan psikologi, maka perkara seperti tindak tanduknya, peribadinya dan cara pemikirannya merupakan unsur penting yang dikaji. Dan sekiranya pendekatan sosiologi pula yang digunakan, keadaan sosialnya yang meliputi masyarakat disekelilingnya akan diberi perhatian. Begitu juga sekiranya pendekatan yang bersifat sejarah digunakan, pastinya peristiwa-peristiwa yang terdahulu akan dikaitkan dalam membuat penyelesaian kepada masalahnya ataupun dalam merancang satu-satu agenda baru. Dengan menggunakan pendekatan geografi pula misalnya, sudah tentu keadaan muka bumi, alam sekitar, ruang juga faktor iklim akan menjadi asas kepada pendekatan itu.

Usaha memahami semula Islam daripada sumber yang asli secara yang lebih tulin pada zaman moden bermula selepas kebangkitan Islam semula pada awal abad 20 M, melalui usaha tokoh-tokoh seperti Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abdurrahman dan Muhammad Rashid Redha dan Malik Bennabi. Bagi mereka perkembangan tamadun Islam yang hakiki adalah dijuruskan oleh *Din al-Islam* yang merangkumi tiga aspek penting yang mendasarinya iaitu Tauhid, Syariah dan AkhlAQ. Kefahaman Islam yang lebih sempurna difokuskan kepada empat ciri pokok iaitu menghimpunkan antara fundamentalisme (*salafiyah*) sederhana dan aliran pembaharuan (*tajdid*), menseimbangkan antara ajaran dan prinsip yang tetap (*thawabit*) dengan hukum dan pendekatan yang berubah-ubah (*mutaghayyirat*), memberi amaran daripada terjadinya kebekuan (*jumud*) dan melihat Islam secara yang terpisah-pisah (*juz iyyat*), dan memahami Islam secara syumul (*komprehensif*), sesuai dengan hadith Nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, yang bermaksud: “*Tidak ada kebaikan kepada kamu, orang-orang yang meninggalkan kepentingan dunia untuk akhirat dan tidak ada kebaikan bagi kamu orang yang meninggalkan kepentingan akhirat untuk dunia, akan tetapi paling baik bagi kamu yang mengambil daripada ini dan ini* (kedua-duanya secara bersepdu).

PRINSIP-PRINSIP YANG MENDASARI ISLAM HADHARI

Menurut Islam, kejadian alam ini adalah berbentuk teologi iaitu satu kepercayaan bahawa dunia ini diciptakan untuk tujuan yang suci. Dengan ini alam (*nature*) adalah dunia matlamat, iaitu setiap sesuatu memenuhi tujuan dan memberi sumbangan kepada kemakmuran dan keseimbangan semua (al-Faruqi 1982). Persoalan begini menjadi lebih penting jika kita lihat masyarakat hari ini tidak

memikirkan atau melaksanakan secara serius nilai-nilai yang berimbang dalam hidup mereka. Ada yang terlalu kedumiaan dan ada yang terlalu keakhiran. Ada juga yang mengkelaskan dunia dan akhirat secara berbeza-beza. Bekalan akhirat terlalu tertumpu dengan nilai-nilai rukun Islam dan Iman. Manakala nilai dunia dilihat dari segi materialisme dan kehidupan. Keadaan ini amat berbahaya kepada manusia yang merupakan pembina tamadun, apabila melihat nilai yang wujud hanya melalui benda yang berbentukkekayaan harta benda dan wang ringgit.

Di Malaysia contohnya penekanan yang tidak seimbang telah diberikan kepada aspek-aspek tersebut. Bagi mereka yang mendalami ilmu usuluddin akan memberi penekanan yang lebih kepada aspek iman dan bagi golongan yang mendalami syariah sudah tentu mementingkan aspek undang-undang. Bagi mereka yang berminat dengan politik Islam menjadikan aspek politik agenda utama mereka. Kesannya aspek sosial dan aspek peradaban dan ketamadunan tidak mendapat penekanan dan kefahaman yang secukupnya. Lebih tertekan apabila tidak ramai ahli sosiologi dan antropologi yang berani menyuarakan pendapat mereka daripada perspektif Islam kerana merasakan kekurangan asas ilmu Islam. Maka jadilah perbincangan Islam di Malaysia khususnya, dan di kebanyakan rantau dunia amnya, terpisah-pisah daripada aspek asal ilmu Islam yang menyeluruh, meliputi kebudayaan, pemikiran, ekonomi, politik, sosial, kesenian dan lain-lain. Sebagai kesannya, Islam difahami secara terhad dan terpisah-pisah dan terkurung oleh sempadan bidang masing-masing, maka jadilah gambaran Islam di kalangan pemikiran dan umatnya seperti cerita Tujuh Orang Buta Yang Menggambarkan Seekor Gajah. Semua pihak melihat Islam daripada dimensi masing-masing tanpa mencuba memahami dimensi orang lain.

Dalam usaha menuju ke arah pembangunan, peningkatan mutu kehidupan adalah merupakan asas terpenting. Peningkatan ini boleh dihasilkan melalui sistem pembinaan insan iaitu akhlak, penguasaan ilmu dan pembangunan fizikal yang banyak dihasilkan melalui penguasaan teknologi. Agenda-agenda pembangunan ini perlulah ada bersamanya kecekapan, kemahiran dan kesenian. Secara kesimpulan agenda pembangunan ini boleh disimpulkan dalam 10 prinsip yang mendasari Islam Hadhari ini.

1. Keimanan dan ketaqwaan kepada Allah

Inilah prinsip yang pertama, yang merupakan tonggak kepada Pendekatan Islam Hadhari. Aqidah tauhid ini mempunyai daya motivasi yang tinggi, yang akan melahirkan pengaruh dan dorongan yang menggerakkan manusia untuk berusaha mendapatkan keredhaan Allah. Dengan kata lain, ibadat kepada Allah merupakan motivasi asas yang mendorong segala tingkah laku Muslim.

Allah s.w.t. dalam Surah al-A'raaf: 96, maksudnya: “Dan (Tuhan berfirman lagi): “Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (rasul kami), lalu kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan”.

2. Kerajaan yang adil dan beramanah

Kerajaan yang adil dan amanah adalah faktor penting dalam pembentukan sistem sosial yang subur yang diasaskan kepada prinsip moral yang menjamin keseimbangan antara kebebasan individu dengan kestabilan masyarakat. Masyarakat mendorong daya usaha serta inisiatif individu baik daripada segi pemikiran, seni, ekonomi dan teknologi. Sistem sosial yang cekap dan saksama serta pelaksanaan pemerintahan mengikut undang-undang dan bukan nafsu atau keinginan individu, yang menjadikan jangkaan atau *predictability* serta ketelusan sebagai satu sistemnya. Prinsip yang mendasarinya ialah moral, keadilan, kesaksamaan dan *musyawarah*.

Adil adalah memberi yang hak kepada yang berhak akan haknya, mengikut kadar masing-masing. Ini bersesuaian dengan firman Allah s.w.t dalam Surah an-Nahl: 90, maksudnya “Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya”. Pelaksanaan keadilan tidak melihat pada keturunan, warna kulit, bangsa, kedudukan, miskin kaya atau perbezaan agama. Ini bersesuaian dengan peruntukan dalam al-Qur'an dan hadis Rasulullah s.a.w. Allah s.w.t berfirman dalam Surah al-Maa'idah: 8 yang bermaksud: “Dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil kepada sesiapa jua kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah maha mengetahui dengan mendalam akan apa-apa yang kamu lakukan”.

3. Rakyat berjiwa merdeka

Hujjatul Islam, Imam al-Ghazali berpendapat bahawa pemahaman yang dinamik dan mendalam tentang epistemologi Islam, penerimaan Islam sebagai agama yang syumul, keadaan sosial yang penuh beradab, pendidikan yang memberi penumpuan pada kepentingan dunia dan akhirat merupakan teras

pembangunan umat (al-Ghazali 1990). Dengan kata lain pembangunan manusia yang merupakan asas kepada pembangunan negara perlulah berlaku menerusi perubahan jiwa dan minda (*tahgyir al-Nufus wa al-Afkar*).

Pada era ini maklumat menjadi senjata paling penting terutama dalam persaingan ekonomi dan perdagangan. Namun mengikut ramalan ahli-ahli strategi Jepun, era ini akan diambil alih oleh sebuah era baru yang diberi nama era kreasi atau mencipta. Dalam era ini, daya kreativiti dan keupayaan inovasi akan menjadi senjata survival bangsa dan ini akan mengambil tempat kuasa tentera, kuasa ekonomi dan kuasa maklumat. Daya kreativiti dan keupayaan inovasi ini sangat ditentukan oleh kuasa budaya.

Antara ciri jiwa merdeka ialah berfikiran kreatif dan inovatif. Masyarakat yang berjiwa merdeka dapat melahirkan buah fikiran yang dinamis dan positif sehingga mampu melahirkan idea-idea baru yang bermanfaat bagi memartabatkan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Kita amat menyedari bahawa umat Islam agak ketinggalan dalam penguasaan sains dan teknologi pada masa kini.

Pada peringkat awal kehidupan, manusia memerlukan ‘keperluan asasi’ yang meliputi perkara seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Namun pada peringkat kemajuan sewajarnya usaha pengkajian dan penyelidikan (*tadabbur*) yang berdasarkan input daripada al-Qur'an merentas semua bidang ilmu diperlukan untuk melahirkan pelbagai penemuan saintifik dari berbagai-bagi bentuk teknologi supaya asas pembangunan intelek, rohani dan jasmani dapat berlaku secara seimbang, menyeluruh dan teratur (Adam 1968). Ini bertepatan dengan firman Allah yang bermaksud: “*Dan sesungguhnya kami (Allah) telah memudahkan (pemahaman) al-Qur'an untuk pelajaran (ilmu) maka adakah orang yang mahu mengambil pelajaran (ilmu daripada al-Qur'an)*” (Surah al Qamar: 17) dan seterusnya dalam Surah Al 'Imran: 190 yang bermaksudnya: “*Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah bagi orang-orang yang berakal*”. Kebolehan umat Islam untuk meluaskan kesenian penguasaan teknologi secara kreatif dan inovatif akan meletakan mereka setanding dengan piawai dan mutu yang ada.

Manusia merupakan sebahagian daripada kejadian-kejadian yang diciptakan oleh Allah s.w.t dalam keadaan yang sebaik-baiknya jika dibandingkan dengan makhluk-makhluk lain. Manusia diberi ilham dan pendidikan untuk mentadbir muka bumi. Ini selaras dengan firman Allah s.w.t dalam al-Qur'an Surah al-Isra': 70 maksud: “*Dan sesungguhnya kami memuliakan anak-anak Adam; dan kami beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan kami memberikan rezeki kepada mereka daripada benda yang baik-baik serta kami lebikan mereka dengan selebih-lebihnya atas makhluk-makhluk yang kami ciptakan*”.

Umat Islam hari ini masih terbelenggu dengan kefahaman Islam yang sempit¹ selepas begitu lama berada di bawah penjajahan Barat. Bukan itu sahaja, umat Islam hari ini masih lagi menghadapi masalah terutama dalam arena politik, kesatuan dan perpaduan². Tuntutan sebenar Islam masih lagi belum dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya dan selagi tiada perpaduan antara umat Islam dan pembebasan sepenuhnya daripada cengkaman penjajahan selagi itulah pembangunan umat Islam sukar dicapai.

Bermula sebelum pertengahan kurun 13 Masehi, tamadun Islam di sebelah Timur runtuh akibat serangan tentera Mongol ke atas Baghdad pada 1258 M, diikuti dengan keruntuhan tamadun Islam di sebelah barat akibat kejatuhan kota Granada ke tangan tentera Salib di Sepanyol pada 1451 M. Di Nusantara pula, jatuhnya kerajaan Melayu Melaka ke tangan Portugis pada 1511 M terus memberi kesan kepada pemahaman dan juga penjiwaan Islam yang sebenar. Sampailah ke hari ini, kefahaman umat Islam termasuk di Malaysia tidak seimbang, bercelaru dan tidak menepati kefahaman yang sebenar. Dari sudut penguasaan ilmu yang meliputi ilmu sains dan teknologi, mereka masih lagi terkebelakang. Ternyata masih terkesan hasil daripada era penjajahan Barat ke atas bumi umat Islam dalam tempoh yang lama.

Kebanyakan masalah yang dihadapi oleh umat Islam hari ini terutama berkaitan dengan kemajuan dalam kehidupan mereka, berpunca daripada kekeliruan yang berlaku daripada pengaruh fahaman sekularisme dan proses sekularisasi yang dilakukan oleh penjajah Barat ke atas sebahagian besar umat Islam yang dijajah (Nik Azis Nik Pa 1994).

4. Penguasaan ilmu pengetahuan

Jika disingkap kembali sejarah penguasaan ilmu-ilmu penting seperti ilmu perubatan, ilmu astronomi, ilmu matematik dan juga ilmu sosial, pastinya nama-nama seperti Ibn Sina, Ibn Khaldun, al-Biruni dan al-Khawarizmi akan tetap menjadi sebutan. Mereka sentiasa berfikir dan menggunakan daya akal semaksimum mungkin dan membuat kajian terhadap alam. Era kegemilangan, kebenaran dan kekuatan al-Qur'an telah menyumbang kepada perubahan budaya hidup jahiliyah kepada peradaban dan tamadun Islam yang gemilang dan cemerlang untuk kira-kira lapan abad lamanya. Dalam era kegemilangan Islam, Dunia telah menyaksikan peningkatan kualiti hidup dalam semua aspek seperti al-Qur'an sebagai pendidik untuk memiliki nilai kemanusiaan dan kehormatan jati diri yang unggul sebagai khalifah dan hamba Allah berteraskan aqidah dan syariat yang bersumberkan wahyu Allah.

Fakta-fakta tadi melonjakkan tamadun Islam yang sangat gemilang dan Dunia menikmati menu peradaban baru yang sungguh mengagumkan sebagai manifestasi daripada kekuatan al-Qur'an sebagai panduan hidup. Firman Allah dalam surah al-Ahzab, ayat 72 memperakui peranan manusia yang diamanahkan

untuk memimpin, membangun dan menguruskan bumi ini. Tanggungjawab ini hanya boleh dilaksanakan dengan sempurna oleh manusia melalui penguasaan ilmu dan penghayatan akhlak.

Ketika Rasulullah s.a.w. berhijrah ke Madinah, agenda pembangunan minda dan fizikal inilah yang dirancang dan dilaksanakan oleh baginda setelah baginda menghabiskan masa selama tiga belas tahun di Mekah, membina aqidah, menyeru manusia menyakinkan keesaan Allah s.w.t. Pembinaan tamadun manusia di Madinah dilambangkan dengan pembinaan masjid yang menjadi pusat ibadat dan pusat ilmu pengetahuan. Ibadat dilakukan seiring dengan ilmu pengetahuan, kerana ilmulah yang merupakan penghayatan rohani yang membentuk budaya hidup yang cemerlang di dunia dan di akhirat. Hal inilah yang menjadi dilema bagi kita masyarakat Melayu yang beragama Islam. Ilmu yang dimiliki tidak dapat direalisasikan dalam kehidupan sebagai ibadat.

Kitab suci al-Qur'an yang menjadi sumber asasi sistem kehidupan peradaban Islam dan tetap kekal menjadi rujukan utama untuk menjana kekuatan, kemakmuran dan kemuliaan hidup umat Islam dan dunia secara global. Firman Allah yang bermaksud: "*Dan kami turunkan kepadamu al-Kitab (al-Qur'an) untuk menjelaskan segala sesuatu yang menjadi petunjuk dan rahmat serta khabar gembira bagi orang yang menerima Islam (sebagai cara hidup)*" (al Nahlu: 89). Selain itu al-Qur'an yang merupakan wahyu Allah, juga menjadi bukti kerasulan Muhammad s.a.w dan doktrin ajaran Islam sebenarnya perlu disesuaikan dengan perubahan zaman. Peralihan set minda dan tasawwur umat Islam masa kini terhadap al-Qur'an dan Sunnah, perlu selari dengan tuntutan al-Qur'an sebenarnya. Al-Ghazali menyebut bahawa umat Islam tidak berupaya menyelami mesej pembaharuan daripada al-Qur'an dan mengalami satu krisis kefahaman al-Qur'an "Buta pemikiran terhadap al-Qur'an yang kita alami hari ini, menyebabkan kita kehilangan ilmu pengetahuan dari al-Qur'an" (Dzulkifli Razak 2001). Pendekatan terhadap al-Qur'an hari ini, lebih bersifat dimensi tunggal, iaitu membaca untuk keberkatan dan kurang penekanan kepada budaya membaca, memahami dan menyelidiki al-Qur'an yang melayakkan kita mendapat kerahmatan atau petunjuk untuk membina kehidupan. Umat Islam semakin jauh dari tanda aras kehormatan jati diri dan kegemilangan umat. Umat Islam juga menghadapi krisis identiti dan kualiti, krisis nilai dan krisis ilmu yang amat mencabar, ditambah lagi dengan cemuh dan pandangan negatif dari dalam dan luar yang tidak setaraf dengan darjah kemuliaan Islam dan kehormatan umatnya.

Namun apakah cukup sekadar mengingati mereka sebagai sarjana Islam yang telah berjaya mempelopori satu-satu bidang ilmu terpenting dunia dan perasaan bangga semata-mata terhadap mereka tanpa apa-apa inisiatif ke arah mengembalikan kecemerlangan perkembangan ilmu yang terbantut di dunia Islam sedangkan Barat dapat berdikari dan berusaha meneruskan kajian yang akhirnya telah berjaya membina tamadun moden. Kita membuka lembaran

sejarah tamadun Islam bukan untuk mengubat hati yang pilu oleh sebab kemunduran yang menimpa umat Islam di dunia hari ini tetapi yang penting ialah untuk mencari sebab terhadap apa yang telah terjadi pada dunia Islam kini. Inilah masanya untuk kita jadikan mereka asas kepada anjakan paradigma bagi membangunkan tamadun Islam. Namun semuanya bermula dengan ilmu. Usaha menuntut ilmu telah disarankan sejak awal tamadun manusia lagi. Anjuran supaya menuntut ilmu walaupun ke negeri China dengan jelas membuktikan kepentingan ilmu pengetahuan dan usaha mencarinya walaupun terpaksa menempoh halangan dan rintangan.

Hakikatnya, inilah masanya untuk kita sedar dan mengembalikan kecemerlangan umat Islam di persada dunia yang kita sendiri sedar bahawa kecemerlangan dalam bidang-bidang seperti sains dan teknologi banyak dihasilkan oleh bangsa-bangsa dari negara Barat, Eropah dan juga Jepun padahal tamadun Islamlah yang telah memberi sumbangan kepada kelahiran renaissance di Eropah. Al-Sheikh Muhammad Abduh (meninggal 1905M) menegaskan bahawa Barat dan Eropah telah berjaya dalam pembinaan tamadunnya adalah kerana mereka berjaya menguasai ilmu pengetahuan dan bersikap positif terhadap ilmu. Sekalipun Islam menjadikan wahyu sebagai sumber ilmu, namun ia tidak menolak akal. Al-Qur'an yang didatangkan dalam bentuk wahyu menyuruh manusia menggunakan akalnya untuk mengkaji alam semesta. Dalam keadaan hati yang berat, kita sebagai umat Islam terpaksa menerima hakikat bahawa kita telah jauh ketinggalan kerana mengabaikan sunnah alam yang menentukan bahawa alam hanya boleh dikuasai dengan ilmu. Barat yang telah mematuhi sunnah alam terus maju dan berjaya menguasai dunia Islam kerana kekuatan ilmu yang mereka capai. Masalah besar yang membelenggu umat Islam hari ini ialah disiplin yang kurang. Sekiranya kita hari ini memiliki disiplin yang tinggi seperti yang diajar oleh Islam, pastinya kita akan dapat menguasai bidang sains dan pendidikan. Al-Qur'an yang merupakan panduan hidup setiap individu Muslim telah meletakkan dasar dan prinsip hidup yang berasaskan kepada ilmu dan hikmah yang disepadukan dengan iman, amal dan akhlak untuk aspek pembangunan (Malik Bennabi 2002).

Tahap kesedaran seperti ini adalah patut diwujudkan bagi memastikan tradisi keilmuan wujud dan masyarakat akan menilai ilmu sebagai matlamat tertinggi dan bukanlah materialis yang menjadi penggerak manusia. Kita masih lagi kuat menelan kesan-kesan ubat feudalisme, imperialisme dan sekularisme nenek moyang kita. Material merupakan penggerak sistem kapitalis dan sosialis tetapi ilmu merupakan penggerak kemajuan Islam dan ini telah dibuktikan oleh zaman keagungan Islam. Islam itu dibentuk dengan tradisi keilmuan bukan materialis.

Di manakah kedudukan kita sebagai umat Islam yang pernah suatu ketika dahulu menguasai dunia melalui kehebatan ilmu. Apakah kita sebagai umat

Islam menerusi generasi yang ada kini atau yang akan datang mampu untuk mengembalikan ‘piala dunia’ itu? Semuanya terletak di bahu kita sebagai pendokong risalah Islam untuk mengembalikan sinar Islam melalui penguasaan ilmu. Umat Islam khususnya di Malaysia hari ini perlu dijadikan masyarakat yang mempunyai kepekaan yang tinggi terhadap budaya ilmu kerana inilah jalan yang sebenar dalam usaha untuk membina kemampuan bangsa dalam kemahiran dan kepakaran sesuatu bidang. Umat Islam hari ini perlu bertekad untuk berusaha menyumbang ke arah penguasaan sains dan teknologi serta meningkatkan kemahiran, kecekapan dan kepakaran yang merupakan sebahagian dari tuntutan Islam.

Dalam kita menuntut ilmu janganlah pula ada pemisahan antara ilmu agama dan ilmu bukan agama. Kemampuan menguasai ilmu pengetahuan secara bersepada boleh menjadikan kita memiliki kekuatan pengetahuan yang pelbagai dan semasa supaya kecemerlangan intelektual dapat dikembangkan. Justeru umat Islam perlu belajar dan menguasai semula ilmu pengetahuan dan kekuatan peribadi dapat ditampilkan dan ketangkasannya jasmani dapat dibangunkan. Proses ini perlu bagi melahirkan insan seimbang dan harmonis seperti yang terdapat dalam matlamat Falsafah Pendidikan Negara kita. Ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t dalam al-Qur'an Surah al-Mujaadalah: 11 yang bermaksudnya: “*Dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) – beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha mendalam pengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan*”.

Dalam mana-mana sejarah masyarakat yang maju dan bertamadun ia tidak akan berlaku tanpa menjadikan ilmu sebagai sumbernya. Tamadun Baghdad dan Tamadun Andalusia menjadi contoh nyata bagaimana ilmu yang integratif mampu menyumbang ke arah pembangunan tamadun Barat dan Timur. Dalam menghadapi cabaran globalisasi dan cabaran semasa, faktor ilmu integratif, kemajuan sains dan teknologi sewajarnya menjadi fokus bagi melahirkan sumber tenaga manusia yang bukan sahaja mempunyai ilmu dan keterampilan tetapi juga memiliki nilai-nilai murni yang sifatnya menyumbang terhadap pembangunan negara, bangsa dan manusia sejagat.

Keagungan Islam bermakna kekuatan aqidah, perpaduan serta persefahaman dan kemajuan ekonomi yang akan menjadi perisai bagi melindungi kita daripada fitnah dan ancaman yang ingin merosakkan kita. Al-Qur'an menggerak dan merangsang perkembangan ilmu pengetahuan secara bersepada. Ilmu-ilmu teras (fardhu ain) berkembang serentak dan bergandingan dengan ilmu kifayah yang memenuhi tuntutan kehidupan seperti ilmu sains dan teknologi, perubatan, kejuruteraan, astronomi, perbandaran, sains pertanian dan sumber laut, sains ketenteraan dan ilmu kemanusiaan, kemasyarakatan dan ketatanegaraan. Melalui pengukuhkan ilmu fardu ain yang dilengkapkan dengan penguasaan ilmu fardu kifayah, hasrat untuk mencapai kecemerlangan terbuka luas. Melalui sistem pendidikan yang mempunyai dua pengkhususan dapat membantu

melahirkan sumber tenaga yang mampu menerajui program pembangunan negara dan ummah. Usaha penggalian dan penerokaan serta penemuan ilmu sains dan teknologi amat digalakkan sejajar dengan tuntutan Islam.

5. Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif

Harta kekayaan yang diperolehi dapat digunakan untuk memakmurkan bumi, memperkembangkan kekuatan alam dan kemudiannya mengambil manfaat daripadanya. Di dalam Surah al-Jumu'ah: 10 bermaksud: “*Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi untuk menjalankan urusan masing-masing, dan carilah apa-apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak dalam semua keadaan, supaya kamu berjaya di dunia dan akhirat*”.

Pembangunan ekonomi yang seimbang hanya dapat dicapai menerusi urus tadbir yang baik iaitu menerusi sistem kewangan yang mantap, mekanisme pemantauan yang berkesan dan bebas serta kawalan terhadap rasuah, kronisme dan nepotisme. Untuk mencapai aspirasi ini kerajaan sewajarnya perlu mempunyai ketelusan dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

6. Kehidupan berkualiti

Ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t dalam al-Qur'an Surah al-Qasas 28: 77 bermaksud:

“Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu keperluan dan bekalanmu dari dunia; dan berbuat baiklah kepada hamba-hamba Allah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu dengan pemberian nikmat-nikmatnya yang melimpah-limpah; dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang berbuat kerosakan”.

Mencapai tahap kehidupan yang tinggi dalam kesemua aspek keperluan adalah matlamat utama agama. Sebagai ummah yang dimartabatkan sebagai *khayra ummah* (sebaik-baik Ummah), semestinya kita lah yang menjadi contoh kepada golongan yang lain dan menjadikan kehidupan kita sebagai model sebuah kehidupan yang ideal. Untuk menghasilkan sebuah kehidupan yang berkualiti yang menggunakan Islam sebagai acuannya, kehidupan itulah yang perlu diislamisasikan. Walau bagaimanapun bagi masyarakat kita hari ini dirasakan mereka masih terlalu kabur dalam mentafsirkan kehidupan mereka dalam bentuk yang baik, sejagat dan murni. Islam menuntut semoga setiap individu berusaha menguasai ilmu dan kemampuan untuk berjaya dalam kehidupan di dunia. Kehidupan akhirat adalah hasil daripada kemampuan

individu melaksanakan kehidupan yang berkualiti dari ke semua aspek termasuk aspek kerohanian, fizikal dan material. Ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t dalam al-Qur'an Surah al-Qasas: 77. Umat Islam di negara kaya sekalipun masih juga bergantung kepada Barat, lebih-lebih lagi di negara membangun. Ini bukan bererti mereka tidak mempunyai kepakaran, tetapi kepakaran mereka tidak dapat digunakan secara maksimum dan inilah yang memaksa sesetengah dari mereka untuk berhijrah ke Barat.

7. Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita

Setiap insan yang dilahirkan di muka bumi ini, tidak kira apa bangsa dan keturunan sekalipun mempunyai hak untuk hidup. Begitu juga dengan golongan wanita. Kedudukannya dalam masyarakat hari ini perlu diperkasakan lantaran dalam membangunkan negara peranan dan sumbangan darinya amat diperlukan. Firman Allah s.w.t dalam al-Qur'an Surah al-Hujuraat: 13 bermaksud:

"Wahai Umat manusia! Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu lelaki dan perempuan, dan kami menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenalan-kenalan (dan beramah mesra antara satu sama lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, bukan yang lebih keturunan atau bangsanya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi mendalam pengetahuannya akan keadaan dan amalan kamu".

8. Keutuhan budaya dan moral

Yang dimaksudkan dengan budaya dalam kaitan ini bukan ‘budaya’ yang sudah mengalami pendangkalan makna, yang hanya merujuk pada seni hiburan dan pertunjukan. Tetapi budaya yg dimaksudkan di sini ialah yang mempunyai erti nilai-nilai yang berfungsi sebagai pendorong dan motivasi dalaman yang mendatangkan kesungguhan dan keseronakan dalam bekerja atau beramal.

Istilah *hadharah* atau tamadun ini membawa makna kemajuan. Namun pembangunan tamadun tidak cuma dengan membina bangunan menyapu awan atau menara mencakar langit, tetapi yang lebih penting adalah membangunkan manusia dan membina budaya (Sidek Fadzil 2004).

Dalam bahasa Inggeris kebudayaan bermaksud *culture* iaitu satu budaya yang lahir daripada tradisi pertanian. Pertanian ialah proses membudaya melalui pendidikan dan pemeliharaan tanaman, yang kemudiannya meluas kepada semua jenis pemeliharaan dan pendidikan termasuk pendidikan manusia. Akhirnya ia berpindah kepada maksud mendidik akhlak dan resam manusia. Walaupun begitu kebudayaan masih tetap berbeza daripada (*hadharah*) dan

tamadun (*madaniyyah*). Kebudayaan menjadi bidang kajian pakar pendidikan antropologi dan banyak diperbicangkan dalam disiplin sains sosial. Ia merujuk kepada cara hidup bermasyarakat yang merangkumi cara makan, cara berpakaian, gaya menggunakan bahasa, percintaan, upacara perkahwinan, upacara menguruskan kematian, peralatan serta gaya cara permainan, alat muzik, lukisan atau kegiatan lain.

Kebudayaan berbeza dengan ilmu, justeru ilmu terkumpul pada mereka yang ada ilmu dan ada pula mereka yang tidak berilmu, tetapi kebudayaan milik semua orang. Setiap insan ada budaya hidupnya sendiri, sama ada seorang yang tua atau muda, miskin atau kaya, lelaki atau perempuan.

Budaya bagi masyarakat samalah halnya dengan keperibadian bagi individu. Ia membezakan sesebuah masyarakat dari masyarakat yang lain (Mohamed Anwar Omar Din 2004). Kebudayaan adalah pemikiran, anutan, adat resam, nilai, cara berfikir dan cara bertindak. Dengan kata lain budaya ialah cara hidup sesebuah masyarakat.

Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas, melalui konsep agama (al-Din) inilah tercetusnya kekuatan akal (judicious power) yang telah dianugerahkan oleh Allah untuk hamba Nya melaksanakan tugasnya sebagai khalifah di muka bumi Allah (al-Attas 1978).

Yang dimaksudkan dengan akhlak secara umumnya ialah sistem tingkah laku manusia yang bersumber kepada asas wahyu manakala yang dimaksudkan dengan nilai-nilai murni ialah sistem tingkah laku manusia yang bersumberkan selain wahyu. Pada akhlak ada daya kekudusan dan daripadanya akan lahir tenaga autoriti yang akan menguasai kehidupan seseorang sama ada secara terang atau tersembunyi. Sistem dan undang-undang akhlak ini juga akan memberi kesan yang praktis dalam kehidupan seseorang, sama ada daripada segi positif atau negatif. Sekiranya akhlak ini dipraktikkan sudah tentu akan menghasilkan rasa lapang dada, gembira dan ketenangan jiwa. Sebaliknya, sekiranya ia tidak dipraktikkan akan memberi kesan seperti rasa duka, resah dan juga gelisah.

Pendidikan insan adalah perkara utama dalam pembentukan sesebuah masyarakat. Membentuk masyarakat pula sama seperti membina sesebuah bangunan. Dalam pembinaan bangunan, sekira asasnya kukuh, maka akan teguhlah bangunan itu dan begitu juga dalam pembinaan sesebuah masyarakat, sekiranya pembinaan insan itu benar-benar kuat, maka akan kuatlah sesebuah masyarakat. Pembinaan insan memerlukan asas yang paling kuat iaitu budi pekerti yang mulia atau *al-akhlaq al-Fadzilah* sebagaimana dalam sabda Rasulullah yang bermaksud, “*Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang terpuji*”. Daripada hadith ini dapatlah difahamkan bahawa tujuan

atau sebab utama kenapa Rasulullah dibangkitkan kepada kita ialah untuk mengajar kita berperangai mulia. Dalam sabda Rasulullah yang bermaksud, “*Agama itu adalah akhlak yang baik*” dan “*Sesungguhnya orang yang paling baik akhlaknya ialah yang paling baik agamanya*”. Ini membawa pengertian bahawa sasaran atau matlamat utama daripada risalah Islam ialah sasaran akhlak. Kesemuanya ini menunjukkan bahawa akhlak adalah roh agama, dan roh akhlak ini menyerapi semua bidang dan sudutnya sama ada dalam bidang aqidah, ibadat dan juga mualamah (perhubungan sesama manusia).

Akhlik dalam Islam mempunyai multidimensi yang meliputi hubungan manusia dengan Tuhan, hubungan manusia sesama manusia dan hubungan manusia dengan makhluk lain dan alam sekitar dan manusia dengan dirinya sendiri. Dalam usaha meningkatkan kemajuan negara Malaysia, kepelbagaiannya budaya dan agama perlu dipertahankan berasaskan sistem nilai dan akhlak yang kukuh, murni dan luhur. Hanya melalui penghayatan nilai-nilai akhlak yang mutlak dan tinggi akan menjamin kesejahteraan, keharmonian dan keamanan. Perkara yang paling penting dalam pembentukan individu yang memiliki akhlak yang luhur ialah mengubah hati dan naluri manusia agar menjadi individu yang benar-benar mengenali dan memahami hakikat Islam, mencintai dan menghayati ajaran-ajaran dengan sepenuhnya, hasil daripada kesedaran yang lahir dari lubuk jiwa terhadap betapa perlunya Islam untuk dijadikan suatu cara hidup yang menyeluruh. Bagi mencapai matlamat ini institusi keluarga perlulah diperkasakan kerana keluarga merupakan kesatuan masyarakat kecil yang menjadi asas dalam pembentukan masyarakat.

9. Pemuliharaan alam semulajadi

Kehidupan ini adalah merupakan satu perjalanan yang paling berharga yang mesti dimanfaatkan dalam proses pengabdian manusia kepada Allah s.w.t melalui penyempurnaan tanggungjawab yang bersifat fardu ain dan juga fardu kifayah. Sesuatu usaha pembangunan itu bersifat fardhu kifayah sekiranya ia tidak bertunjangkan ilmu fardhu ain. Kehidupan manusia tidak terbatas hanya kepada hubungan sesama manusia sahaja, tetapi juga hubungan manusia dengan alam persekitaran. Kesejahteraan yang dinikmati oleh manusia adalah akibat daripada kehidupan yang sejahtera antara sesama manusia dengan alam tabii.

Dalam proses pembangunan, manusia mempunyai kecenderungan untuk menguasai dan mengeksploitasi alam tabii secara berlebihan dengan menggunakan sains dan teknologi (Sulaiman Noordin 1997). Justeru tanggungjawab untuk mengekalkan ekosistem supaya semua makhluk yang mendiami alam ini boleh terus hidup biarpun dalam habitat atau tempat tinggal yang berubah, mestilah dipikul bersama. Manusia tidak mungkin berjaya memanfaatkan dunia ini dengan baik jika ilmu tentang cara menguruskannya tidak diketahui lantaran alam dan fenomenanya diciptakan dan ditundukkan

oleh Allah s.w.t untuk manusia. Manusia itu diperlengkapkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran, supaya membolehkan manusia bergerak ke arah pembinaan suatu tamadun.

10. Kekuatan Pertahanan

Yang dimaksudkan dengan kekuatan pertahanan merangkumi kekuatan diri, fizikal dan spiritual. Ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t dalam Surah al-Anfal: 60 maksudnya:

“Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan daripada pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain daripada mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiyai”.

KENAPA PERLU KEPADA PENDEKATAN ISLAM HADHARI

1. Wawasan Pembangunan Islam

Islam bukanlah satu agama yang berbentuk ritual semata-mata kerana ritualisme hanya memberi tumpuan kepada akhirat semata-mata. Kerajaan Malaysia juga tidak bersifat sekular kerana sekularisme ialah menolak akhirat dan hanya memberi tumpuan kepada kehidupan di dunia semata-mata. Tetapi Islam adalah agama yang bersifat praktikal dan realistik dalam mengatur kehidupan umatnya. Untuk mendapat keseimbangan hidup inilah maka Islam perlu dihayati sebagai sistem yang menyepadukan kehidupan *duniawi* dan persiapan untuk kehidupan *ukhrawi*.

Untuk setiap perubahan, perancangan awal perlu dilakukan dengan teliti agar umat Islam dapat menjadi pendokong utama dalam setiap aspek pembangunan; berperanan sebagai khalifah Allah dengan memastikan alam sekitar tidak dimusnahkan oleh pelbagai jenis pencemaran dan yang penting pembangunan yang berkualiti dan menyeluruh dapat dicapai dalam tempoh yang disasarkan. Justeru, konsep Islam Hadhari yang digagaskan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri Malaysia ini adalah merupakan satu wadah ke arah merealisasikan Malaysia sebagai sebuah contoh negara Islam yang bertamadun. Konsep Islam Hadhari ini perlu difahami sebaik yang mungkin agar ke semua 10 prinsip yang mendasarinya dapat digunakan sebagai satu wawasan pembangunan strategik.

Justeru, jelaslah di sini bahawa usaha kerajaan bukan sekadar untuk memajukan Malaysia melalui kemajuan infrastruktur seperti sekolah, hospital, makmal, sistem perhubungan tetapi membina Malaysia yang mempunyai masyarakat yang memiliki nilai-nilai murni, memartabatkan ketinggian ilmu kerana hanya dengan itu akan terhasil kemahiran dan kecekapan yang dihiasai bersamanya kesenian. Dengan kata lain satu kemajuan yang terhasil daripada sebuah kehidupan menyeluruh dan seimbang antara tanggungjawab dunia dengan tanggungjawab akhirat.

2. Selari Dengan Gagasan Pemikir-Pemikir Islam Lampau

Seperti yang diterangkan di atas, pendekatan Islam Hadhari adalah merupakan satu konsep pembangunan seimbang mengikut acuan yang disarankan oleh Islam. Jika dibandingkan dengan gagasan pembangunan oleh Sayid Sabiq (1978), seorang pemimpin tertinggi gerakan *Ikhwanul Muslimin*, beliau telah menjelaskan 7 prinsip yang mendasari gagasannya. Ketujuh-tujuh prinsip ini mempunyai banyak persamaan dengan konsep Islam Hadhari ini sendiri.

Dalam gagasan Sayid Sabiq ini, kekuatan aqidah juga merupakan tonggak kepada pembangunan ummat. Kekuatan ilmu merupakan perkara kedua yang mesti diberi perhatian kerana ia merupakan penegak peribadi manusia, penyingkap hakikat kewujudan. Perkara yang ketiga ialah kekuatan budi pekerti. Ini penting sebagai usaha menuju kemuliaan dan keluhuran rohani. Kekuatan ekonomi merupakan unsur kekuatan ummah yang keempat. Prinsip yang kelima iaitu kekuatan ikatan masyarakat dan keenam, kekuatan susunan perdamaian mempunyai persamaan dalam prinsip ketiga Islam Hadhari iaitu rakyat yang berjiwa merdeka. Masyarakat dapat ditegakkan dengan dasar kemerdekaan, keadilan, persamaan dan mengikut asas-asas syariah Islam. Prinsip terakhir dalam gagasan Sayid Sabiq ini merujuk kepada kekuatan jihad iaitu memberi pengorbanan yang nyata demi membela hak, memperoleh kehidupan yang merdeka dan seterusnya kehidupan yang mulia. Inilah juga merupakan prinsip terakhir dalam gagasan Islam Hadhari iaitu pertahanan agama yang kuat.

Selain Sayid Sabiq, al-Ghazali dalam wawasan pembangunannya menegaskan lima prinsip penting iaitu, kekuatan aqidah yang membabitkan keimanan kepada hakikat dan nilai yang mutlak, kekuatan ilmu yang membabitkan kesepadan ilmu agama dan ilmu sains, kekuatan tasawuf yang membabitkan daya usaha manusia untuk mendapat hikmat dengan erti mengenal Allah, yang merangkumi mengenal kebaikan dan kemuliaan akhlak (al-Ghazali 1990). Bagi prinsip yang keempat iaitu kekuatan *tazkiyah* yang membabitkan pelaksanaan penyucian diri, dan prinsip yang terakhir ialah kekuatan adab-adab dalam kehidupan seperti adab mencari sara hidup. Bagi Muhammad Iqbal, tokoh pemikir Islam dari India, pembangunan negara perlu bermula dengan pembangunan masyarakat. Dalam pembangunan masyarakat

pula perkara yang paling penting untuk diberi perhatian ialah mengembangkan potensi manusia melalui proses pendidikan. Potensi yang dimiliki oleh setiap manusia inilah yang menjadikan sesuatu bangsa itu maju dan memberi kesan kepada kehidupan manusia.

KESIMPULAN

Islam Hadhari merupakan satu pendekatan yang konstruktif dalam menjadikan Islam sebagai satu cara hidup (*ad-Din*). Sebagai satu wawasan pembangunan seimbang, Islam Hadhari, dengan menggunakan tasawwur Islam sebagai acuannya manakala kita sebagai bangsa Melayu Islam ialah makhluk yang diamanahkan mengadakan pembangunan bergerak bersama-sama.

Wawasan pembangunan seimbang yang digagaskan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi ini adalah mengikut syariat Islam dan pastinya akan menjanjikan kesejahteraan rohani. Melalui konsep pembangunan dan kemajuan yang mempunyai sifat yang menyeluruh, merangkumi aspek moral, kerohanian dan kebendaan, sfera operasinya iaitu manusia dan dirinya yang meliputi perasaan, sikap, dorongan, inspirasi juga melibatkan faktor sumber, modal, pendidikan, dan kemahiran, maka lahirlah sebuah kemajuan yang bukan diasaskan oleh kebendaan semata-mata tetapi juga terdiri dari rohani manusia sebagai elemen yang memimpinkekayaan materialnya. Kepimpinan aspek rohani dalam tingkah laku dan kegiatan manusia dalam hidupnya dapat dimanifestasi melalui bagaimana material didapati dan digunakan untuk kemajuan.

Justeru, manusialah yang harus membangunkan dirinya dan juga material dalam usahanya memenuhi tuntutannya sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi ini demi mencapai kejayaan di akhirat nanti. Nilai agama itu terletak pada nilai spiritualnya (rohani). Roh itu akan terus berkekalan kewujudannya di dunia dan berkekalan hingga ke akhirat. Dengan kata lain, mereka yang beragama akan membina kesejahteraan (salam) rohaninya di dunia dan juga di akhirat. Kekuatan rohani juga adalah penting sebagai teras kekuatan dalam menghadapi segala liku-liku penghidupan dan juga sebagai pengukur untuk menilai yang mana baik dan yang mana tidak. Dengan kenyataan di atas dapatlah dirumuskan bahawa pendekatan Islam Hadhari adalah pendekatan dalam melaksanakan Islam yang membentuk tamadun yang diisi dengan pembangunan yang berhasil daripada ketingginan ilmu, kepakaran dan kesenian dan yang menjadi asasnya ialah aqidah, akhlak, dan ilmu.

Nota hujung

¹ Yang dimaksudkan dengan kefahaman yang sempit ialah penerimaan Islam hanya sebagai agama yang mendukung 5 rukun Islam dan 6 rukun Iman, bukan sebagai satu cara hidup lengkap yang menjanjikan kebahagian dan kemajuan hidup di dunia dan di akhirat.

² Muhammad Iqbal sendiri menegaskan bahawa kemunduran umat Islam bukan sahaja hasil daripada salah faham umat Islam iu sendiri terhadap Islam, tetapi juga kerana faktor penjajahan dan tiadanya perpaduan antara umat Islam.

RUJUKAN

- Abdullah Hj. Ahmad Badawi. 2004. Petikan Ucapan YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dalam perhimpunan Agong UMNO ke 55 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 23 September.
- Adam, C.C. 1968. *Islam and Modernism in Egypt*. New York: Russell & Russell.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1978. *Islam and Secularisme*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- Dzulkifli Razak. 2001. Petikan Ucapan Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Dzulkifli Razak dalam Majlis Perasmian Seminar Warisan Al-Quran Peringkat Kebangsaan, 24 Oktober.
- al-Faruqi. 1982. *I.R. Tawhidid: Its Implications for Thought and Life*. Wyncote PA: International Institute of Islamic Thought.
- al-Ghazali. 1990. *Bimbingan mu'min*. Singapura: Pustaka Nasional Pte.
- Ibn Manzur. t.th. *Lisan al-Arab*. Juz ke-5. Hadharah: Dar al-Maarif.
- Malik Bennabi. 2002. *On The Origins of Human Society, The Social Relations Network*. Terj. Mohamed El-Tahir El-Mesawi. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Md. Asham Ahamad. 2000. Kedudukan Agama Dalam Civil Society: Satu Tinjauan Sejarah. *Al-Hikmah Bil. 3/2000*. Kuala Lumpur: Forum ISTAC, 25-32.
- Mohamed Anwar Omar Din (pnyt.). 2004. *Dinamika Bangsa Melayu, Menongkah Arus Globalisasi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nik Azis Nik Pa. 1994. *Penghayatan Wawasan Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sayid Sabiq. 1978. *Unsur-Unsur Kekuatan Dalam Islam*. Singapore: Pustaka Nasional Pte Ltd.

- Sidek Fadzil. 2004. Peradaban Melayu Abad 21 Beberapa Catatan Keperihatinan. Dlm. Mohamed Anwar Omar Din. (penyt.). *Dinamika Bangsa Melayu Menongkah Arus Globalisasi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sulaiman Nordin. 1997. *Sejarah Pemikiran 1, Sumber Ilmu, Perbandingan Ideologi Dan Orde Baru Dunia*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Turaby Hasan. 1982. al-Dawlah al-Islamiyyah al-Mu'asirah wa al-Tahaddiyat allati Tuwajjihiha al-Sahwah al-Islamiyyah. *Al-Ummah*, 2 Mac 1995: 45.

